

Headline	TNB entiti korporat paling dipercayai, diyakini		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Language	Malay
Date	19 Feb 2024	Readership	113,943
Circulation	37,981	Page No	31
Section	EKONOMI	Journalist	N/A
ArticleSize	387 cm ²		
PR Value	RM 6,909		



TNB entiti korporat paling dipercayai, diyakini

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) dinobatkan sebagai organisasi/institusi korporat paling dipercayai di Malaysia pada 2023 berdasarkan kajian terbaru oleh satu daripada firma penyelidikan pasaran terbesar dunia, Ipsos Sdn Bhd (Ipsos).

Menurut kenyataan TNB pada Ahad, hasil kajian terbaru itu mendapati pihaknya menduduki tangga teratas sebagai entiti yang paling dipercayai di Malaysia mengatasi lebih 100 jenama dalam kaji selidik sepanjang tujuh bulan mulai April 2023.

TNB juga diiktiraf sebagai jenama yang paling dipercayai dalam industri utiliti, memperkenalkan kejayaan dalam membina hubungan yang teguh dengan rakyat Malaysia, jelasnya.

Menerusi siaran akbar pada 23 Januari 2024 bertajuk Ipsos Trust Track 2023: The Most Trusted Corporations and Institu-

tions in Malaysia, Ipsos Malaysia mengumumkan lima syarikat teratas dengan TNB di tempat pertama, diikuti Keretapi Tanah Melayu Bhd dan seterusnya Shell, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Petron di tempat kelima.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Baharin Din bersyukur atas pengiktirafan yang besar dan sangat bermakna terhadap perkhidmatan syarikat itu yang giat meneraju peralihan tenaga menuju pelepasan sifar bersih 2050.

"Kepercayaan dan keyakinan ini tidak boleh dibeli. Ia datang daripada keyakinan masyarakat dan pendirian mereka terhadap amalan dan budaya kerja TNB. Pemegang taruh lazimnya selesa berurusan dengan organisasi yang dipercayai dan diyakini."

"Ini satu pengiktirafan besar maknanya dan semoga kepercayaan ini akan menterjemahkan



TENAGA Nasional Bhd (TNB)

cabaran-cabaran kepada peluang niaga baharu kepada TNB, untuk kita mengungguli penyelesaian tenaga mampar kepada pelanggan serta rakyat," katanya dalam kenyataan yang sama.

Ipsos dalam kenyataannya menyatakan bahawa kepercayaan yang teguh itu mencerminkan keupayaan organisasi

untuk mengekalkan hubungan yang kukuh dengan pelanggan mereka, walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Kaji selidik itu meliputi lebih 100 syarikat dan institusi di Malaysia dengan menemu bual lebih 7,000 responden yang memberi maklum balas bahawa kebanyakan syarikat berupaya

mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan dalam bidang industri masing-masing.

TNB pernah tersenarai sebagai antara lima syarikat paling dipercayai menerusi penyertaan sulungnya dalam kaji selidik Ipsos pada 2021. - Bernama